



PERADUAN KASI SAMBUNG

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA FM Sabah
3.	Nama Peraduan	Kasi Sambung
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	ERA FM Sabah beri peluang kepada pendengar di Kota Kinabalu untuk memenangi wang tunai RM50 dan hamper
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	<p>Jadi pemanggil pertama dan beri kata laluan dengan betul untuk menang sebuah hamper. Selepas itu untuk memenangi RM50, penyampai akan beri 1 perkataan dan pemanggil harus menyambung perkataan tersebut berdasarkan suku kata terakhir perkataan tersebut. Pemanggil harus menyambung perkataan seberapa banyak yang mampu. Sekiranya pemanggil gagal menyambung perkataan tersebut maka pemanggil yang hanya akan menang hamper. Sekiranya penyampai yang gagal menyambung perkataan itu maka pemanggil akan menang RM50 wang tunai dan hamper.</p> <p>Perkataan yang disambung mestilah mempunyai makna dan di dalam bahasa melayu.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 2hb Januari 2017
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :-</p> <ul style="list-style-type: none">a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-kontraktor Penganjur, Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut;b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 2hb Januari 2017
9.	Caj	Caj lazim telekomunikasi boleh dikenakan
10.	Tempoh Peraduan	2hb Januari 2017 sehingga 29hb Disember 2017
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia.
12.	Prosedur Penyertaan	Memanggil talian ERA FM Sabah 088-485024.

		Pihak Penganjur berhak untuk meminta salinan asli Kad Pengenalan/ Sijil Surat Beranak atau salinan asli dokumen-dokumen sokongan yang lain untuk tujuan pengesahan dan pengiktirafan.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	29hb Disember 2017
14.	Cara Penghantaran	Talian telefon ERA fm 088-485024.
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd F901 Wisma Angkatan Hebat Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu
16.	Pemilihan Pemenang	Pemenang Peraduan akan dipilih berdasarkan kepada panggilan terpantas ke ERA fm Kota Kinabalu dengan jawapan betul
17.	Hadiah	Hamper dan/atau Wang tunai RM50
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama para Pemenang Peraduan akan diumumkan oleh pihak Penganjur melalui Siaran saluran tempatan ERA fm Sabah
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Dalam masa 90 hari dari notis pihak Penganjur.
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	ERA fm Kota Kinabalu, Astro Radio Sdn Bhd F901 Wisma Angkatan Hebat Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur. Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan terpakai

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.